<u>**SIARAN AKHBAR**</u>

**PENUTUPAN SEBAHAGIAN LORONG DI LEBUH LINTANG BAGI CADANGAN KERJA-KERJA TEBATAN BANJIR DAN MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN BANDAR S10, DAERAH TIMUR LAUT PULAU PINANG.**

Adalah dimaklumkan bahawa pihak kontraktor yang dilantik oleh Majlis akan membuat penutupan sebahagian lorong di Lebuh Lintang (berdekatan persimpangan Jalan Dr. Lim Chwee Leong), George Town, Pulau Pinang secara berperingkat bermula pada **20 Julai 2018 hingga 2 November 2018.**

2. Tujuan penutupan sebahagian lorong ini adalah bagi memberi laluan kepada pihak kontraktor yang dilantik oleh Majlis menjalankan kerja-kerja pemasangan *box culvert* dengan kelebaran keseluruhan 7.2 meter untuk projek naiktaraf sistem saliran di kawasan tersebut.

3. Penutupan sebahagian lorong ini adalah secara berperingkat dan kenderaan masih boleh melalui Lebuh Lintang untuk pergi ke Jalan Dr. Lim Chwee Leong pada setiap masa. Kerja-kerja tersebut dijangkakan akan mengambil masa selama 105 hari dari tarikh mula yang dinyatakan di atas. Sekiranya tuan / puan mempunyai sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Majlis di talian:

**04-2592309 (Encik Mohd Nasrul Nizam Bin Nasri)**

**04-2592215 (Encik Kasehyani Bin Saad)**

**04-2592204 (Encik Mohd Hafizan Bin Murad)**

Bahagian Perhubungan Awam

Jabatan Khidmat Pengurusan

MBPP

<u>Bertarikh: 17 Julai 2018</u>